



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK RAMADAS A/L VENGDASALAM,
ADIGURU KRAF SERAMIK TRADISIONAL INDIA
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI PEMBUAT
SERAMIK**

NUR ALIN BINTI NOR AZMAN

(2021849528)

NURUL FATIMAH AZZAHRAH BINTI BADRUL ALAM

(2021864488)

SEMESTER OKTOBER 2022-FEBRUARI 2023

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK RAMADAS A/L VENGDASALAM,
ADIGURU KRAF SERAMIK TRADISIONAL INDIA
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI PEMBUAT SERAMIK**

NUR ALIN BINTI NOR AZMAN

(2021849528)

NURUL FATIMAH AZZAHRAH BINTI BADRUL ALAM

(2021864488)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER OKTOBER 2022-FEBRUARI 2023

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK.....	
PENGHARGAAN.....	
SENARAI SINGKATAN.....	
1.0 BIODATA PENEMUBUAL.....	1-2
2.0 BIODATA TOKOH.....	3
3.0 PENGENALAN.....	4-5
4.0 KAJIAN LITERATUR.....	6-8
5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL.....	9-36
6.0 RALAT.....	37-38
7.0 RINGKASAN.....	39-41
8.0 LOG TEMUBUAL.....	42-45
9.0 KESIMPULAN.....	46
10.0 INDEKS.....	47-49
11.0 RUJUKAN.....	50
12.0 LAMPIRAN.....	51-71
• BIOGRAFI TOKOH	
• PERJANJIAN	
• SENARAI SOALAN	
• DIARI PENYELIDIKAN	
• GAMBAR, SIJIL DAN BAHAN LAIN YANG BERKAITAN	
• Dan lain-lain	

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang tokoh adiguru kraf seramik iaitu V.N Ramadas A/L Vengdasalam yang telah mewarisi kemahiran dan perniagaan milik bapanya. Sesi temubual secara bersemuka telah dijalankan pada 18 Disember 2022 pada pukul 10.00 pagi sehingga 12.00 tengahri iaitu selama dua jam. Soalan-soalan telah dibahagikan secara tiga bahagian iaitu soalan umum, orientasi dan spesifik. Pada awal transkrip ini telah menceritakan serba sedikit berkenaan latar belakang tokoh. Selain itu, menceritakan sedikit berkaitan keluarga tokoh yang ada mewarisi kemahiran beliau. Seterusnya, menerusi temubual ini, kita dapat tahu segala cabaran dan kesusahan yang dihadapi oleh tokoh sehingga kini dilantik menjadi tokoh adiguru kraf seramik pada tahun 2012. Melalui temubual ini juga, beliau ada memberikan cadangan serta harapan kepada perniagaan dan juga buat generasi muda yang akan datang tentang kepentingan seramik. Melalui projek sejarah lisan ini, generasi akan datang dapat membuat rujukan serta mengambil tahu banyak maklumat berkaitan seramik.

Kata kunci: Seramik, Tokoh Adiguru Kraf Seramik, Ramadas A/L Vengdasalam, tanah liat, Kuala Selangor

ABSTRACT

This transcript discusses the experience of a ceramic crafts master, namely V.N Ramadas A/L Vengdasalam who has inherited his father's skills and business. The face-to-face interview session was conducted on 18 December 2022 at 10.00 am until 12.00 noon which is for two hours. The questions have been divided into three parts, namely general, orientation and specific questions. At the beginning of this transcript I have told a little bit about the character's background. In addition, tell a little about the family of figures who have inherited his skills. Next, through this interview, we can know all the challenges and hardships faced by the figure until now appointed as a ceramic craft teacher figure in 2012. Through this interview, he also gave suggestions and hopes for business and also for the younger generation to come. about the importance of ceramics. Through this oral history project, future generations will be able to make references and find out a lot of information related to ceramics.

*Keywords: Ceramic, ceramic crafts master, Ramadas A/L Vengdasalam, clay, Kuala
Selangor*

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, terlebih dahulu kami ingin bersyukur ke atas hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya kami dapat menyiapkan tugas ini. Kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pensyarah 'Oral Documentation' IMR604, En. Mohd Nazir Bin Ahmad atas sokongan dan bimbingan beliau dengan membantu kami menyiapkannya. Ini kerana tanpa bimbingan beliau, penilaian ini tidak dapat dilakukan dengan sempurna. Melalui ruangan ini, kami ingin merakamkan jutaan penghargaan kepada Dekan Fakulti Pengurusan Maklumat, Prof. Dr Ts Noorman Masrek dan juga Penasihat Akademik untuk Nur Alin binti Nor Azman iaitu Encik Jafalizan bin Md Jali, Penasihat Akademik untuk Nurul Fatimah Azzahrah binti Badrul Alam iaitu Dr Hanis Diyana binti Kamarudin Selain itu, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga kerana turut memberi sokongan dalam memahami tugas ini perlu disiapkan secepat mungkin. Kerjasama mereka juga amat memberi kesan kepada mental dan fizikal kami ketika pulang dan berada di rumah. Kekurangan dan kelebihan mereka amat kami hargai.

Tidak lupa juga dengan ucapan terima kasih kami tujukan kepada Encik Ramadas a/l Vengdasalam kerana bekerjasama dan sudi melakukan sesi temubual dengan berkongsi maklumat beliau. Semua informasi dan kisah beliau amat kami hargai dengan sebaik mungkin. Beliau juga mengajar kami cara membuat seramik dengan menggunakan alat tradisional di studionya. Pengalaman ini amatlah tidak dapat dilupakan. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa berdedikasi dan membantu kami dalam menjayakan penilaian kedua ini tidak kira betapa sukarnya. Tanpa sokongan mereka, tugas ini tidak dapat diselesaikan. Kami bersyukur dan berasa cukup bertuah kerana mendapat bantuan daripada rakan sekelas kami dari IM2465A yang meluangkan masa tambahan mereka untuk membantu kami mencapai penilaian ini dengan jayanya.

SENARAI ABREVIASI

ABREVIASI	MAKSUD
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
LCE	Lower Certificate of Education
TV	Televisyen
COVID	Corona Virus
PhD	Doctor of Philosophy
RTM	Portal Rasmi Jabatan Penyiaran Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi Mara

SINGKATAN NAMA

NAMA	SINGKATAN NAMA
Nur Alin binti Nor Azman	NA
Nurul Fatimah Azzahrah binti Badrul Alam	NFA
Ramadas a/l Vengdasalam	RV
Chellama	CLM


1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 Biodata Penemubual Pertama



a. NAMA	Nur Alin Binti Nor Azman
b. ALAMAT	No.17, Lorong 5 Taman Seri Mengkuang, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang
c. NO. TELEFON	011-11944150
d. UNIVERSITI	Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Perdana
e. FAKULTI	Fakulti Pengurusan Maklumat
f. PROGRAM	Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Rekod
g. KOD PROGRAM	IM246
h. EMEL	nuralyn20@gmail.com

1.2 Biodata Penemubual Kedua



a. NAMA	Nurul Fatimah Azzahrah Binti Badrul Alam
b. ALAMAT	No.90 Kampung Sungai Belukang Baroh 36200 Selekoh, Perak
c. NO. TELEFON	019-5292505
d. UNIVERSITI	Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Perdana
e. FAKULTI	Fakulti Pengurusan Maklumat
f. PROGRAM	Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Rekod
g. KOD PROGRAM	IM246
h. EMEL	Nurulazza155@gmail.com

2.0 BIODATA TOKOH

2.1 Biodata Tokoh Pertama



a. NAMA	V.N Ramadas a/l Vengdasalam
b. NAMA SAMARAN	Ramadas
c. TARIKH LAHIR	25 Ogos 1951
d. TEMPAT LAHIR	Selangor
e. ALAMAT	Batu 2, Jalan Klang 45000 Kuala Selangor, Selangor
f. NO. TELEFON	012-3586304
g. TAHAP PENDIDIKAN	Tingkatan 5
h. PROFESION	Adiguru Kraf Seramik
i. BIDANG	Kraf Seramik
j. TAHUN MULA BERGIAT AKTIF	1976 (36 Tahun)

3.0 PENGENALAN

Menurut Muadz Ahmad Shathari et al. (n.d), salah satu budaya tembikar terawal di dunia, iaitu budaya India bermula sejak zaman Mehrgarh, juga dikenali sebagai Seramik Neolitik dan Chalcolithic, yang berlangsung dari kira-kira 7,000 hingga 2,500 SM. Penemuan itu dibuat di beberapa tapak arkeologi lama di Lembah Indus, pusat tamadun manusia, yang kini dikenali sebagai Balochistan, Pakistan (Muadz Ahmad Shathari et al., n.d). Salah satu bentuk seni yang mengekspresikan emosi manusia ialah tembikar. Setiap kepingan tembikar menyampaikan mesej melalui bentuk dan warnanya (Muadz Ahmad Shathari et al., n.d). Tembikar untuk kegunaan harian di India, termasuk Gharas (periuk air), Gamlas (pasu bunga), dan Diyas (lampu). Di India, membuat tembikar lebih merupakan amalan keagamaan daripada usaha komersial. Perniagaan tembikar mempunyai dua kaedah untuk menghasilkan tembikar sehingga ke tahap ini iaitu kaedah kontemporari dan kaedah lama (Muadz Ahmad Shathari et al., n.d).

Istilah "seramik" secara literal merujuk kepada semua jenis tanah liat dan berasal daripada perkataan Inggeris "ceramic," yang dipinjam daripada bahasa Yunani. Perkataan itu kini lebih meluas digunakan untuk merujuk kepada sebatian bukan logam bukan organik. Tanah liat tradisional, yang digunakan untuk membuat tembikar, batu bata, jubin, dan barangan lain sehingga tahun 1950-an, bersama dengan simen dan kaca, adalah yang paling penting. Objek seramik mempunyai sejarah panjang berliang, keras dan mudah pecah. Tembikar, kristal, kaca, dan marmar adalah termasuk dalam kraf seramik ini. Salah satu kraf Melayu klasik ialah tembikar. Cawan, mangkuk, pinggan, pasu, dan barangan lain dibentuk daripada tembikar, yang dibuat daripada tanah liat. Terdapat empat lokasi utama iaitu di mana aktiviti pembuatan seramik tertumpu iaitu Kampung Mambong, Kuala Krai, Kelantan, Sayong, Kuala Kangsar, Perak, Kampung Pasir Durian, Hulu Tembeling, Pahang dan beberapa lokasi di Sarawak (Ammar, 2021).

Kini, terdapat ramai pengusaha yang terlibat dalam pembuatan seramik. Salah seorang daripada pengusaha tersebut adalah Adiguru Kraf Seramik iaitu V.N Ramadas A/L Vengdasalam. V.N Ramadas A/L Vengdasalam merupakan adiguru bagi seni kraf seramik yang telah bergiat aktif sejak 1976 iaitu lebih kurang 47 tahun beliau telah berada di dalam bidang ini. Beliau telah dilantik menjadi Adiguru Kraf Seramik oleh kraftangan Malaysia pada tahun 2012 kerana kerana pencapaian dan kepakaran beliau dalam bidang kraf seramik. Antara sumbangan V.N Ramadas A/L Vengdasalam adalah beliau tidak kedekut menurunkan ilmu mengajar serta membantu sesiapa sahaja yang ingin mempelajari pembuatan seramik. Seni kraf seramik perlu dititikberatkan dan diperkenalkan dengan meluas terutama pada generasi muda kerana mereka merupakan pewaris untuk masa akan datang. Hal yang demikian juga supaya warisan seni kraf seramik tidak akan dilupakan dan terus diperjuangkan di negara ini.

KAJIAN LITERATUR

4.0 KAJIAN LITERATUR

Menurut Muhammad Izzat Syahir, Muadz, C. S. Tan, Wan Mohamad Aiman Azri (n.d), seramik India mempunyai sejarah yang panjang, dari zaman Mehrgarh sekitar 7,000 hingga 2,500 tahun dahulu, serta dikenali sebagai seramik neolitik dan kalkolitik. Penemuan itu dibuat melalui beberapa ekskavasi arkeologi purba di Lembah Indus, pusat sejarah dunia, yang kini dikenali sebagai Balochistan, Pakistan. Keramik menjadi sejenis produk untuk menggambarkan perasaan dan emosi. Setiap kepingan seramik menyampaikan imej yang bermakna melalui bentuk dan warnanya sendiri. Di India, tembikar harian selalu digunakan seperti Gharas (periuk air), Gamlas (pasu bunga), dan Diyas adalah popular (lampu). Di India, seni membuat seramik lebih bersifat keagamaan daripada penjualan dan pemasaran. Sehingga baru-baru ini, industri seramik menghasilkan seramik dalam dua cara; moden dan tradisional. Bagi mengumpul maklumat berkaitan seramik ini, perkataan seramik itu sendiri berasal daripada perkataan Yunani iaitu Keramos, yang bermaksud tanah liat yang digunakan untuk membuat produk. Perkataan ini mempunyai definisi yang sama dengan tembikar, tetapi istilah seramik merujuk kepada apa-apa yang berkaitan dengan bahan tanah liat dan bukannya tembikar. Ahli arkeologi menemui produk seramik tertua di dunia, yang berasal dari zaman Jomon di Jepun dan bertarikh 10,000 SM. Masyarakat terawal telahpun mengalami perubahan dalam kehidupan seharian dan mula menggunakan tanah liat untuk membuat makanan dan bekas menyimpan cecair (UNIMAS, 2012).

Menurut Mohamad Ikhwan (2018), beliau telahpun membuat kajian terhadap tokoh ini iaitu Ramadas a/l Vengdasalam. Beliau dilahirkan pada 25 Ogos 1951, dan telah bergiat secara profesional sejak 1976. Antara pencapaiannya ialah penyertaan dalam program Kraf Malaysia, dengan menjadi sumber rujukan dalam kalangan pembuat seramik India, dan berkhidmat sebagai pengajar pelajar dari UiTM dalam program Latihan Industri. Beliau menerima Anugerah Tukang Ulung sempena Hari Kraf Negara pada 2011 dan Anugerah

Usahawan 1982 daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA). V.N Ramadas a/l Vengdasalam. Mohamad Ikhwan juga melakukan kajian terhadap tokoh yang lain seperti mana labu sayong merupakan keistimewaan Puan Hawa binti Ngah Salam. Pada tahun 1984, beliau mula mengajar seramik. Beliau mewarisi ilmu dari keluarganya. Antara pencapaian dan sumbangan beliau ialah menerima anugerah WICITRA dan menyertai pameran anjuran Universiti Malaya dan Muzium Negara. Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. Hasil ciptaannya juga boleh didapati dalam koleksi tetap Muzium Negara, Muzium Taiping, Muzium Negeri Kedah, dan beberapa hotel paling berprestij di negara ini.

Menurut kajian yang juga telah dibuat oleh Mohd Azlan Mat Sidek, 'Ramadas Pottery' ini ditubuhkan pada tahun 1931, di Batu 2, Jalan Klang, Kuala Selangor, yang diusahakan oleh bapanya, Vengadasalam, dan diwarisi pada V.N Ramadas yang merupakan generasi ke dua yang meyambung legasi bapanya. Sudah 44 tahun berkecimpung dalam arena seramik, Kini Ramadas menyerahkan tugasnya kepada anaknya, Velavar A/L Ramadas, 42, antara generasi ke tiga mewarisi legasi ini. Mohd Azlan Mat Sidek juga menyatakan bahawa hanya menggunakan tanah liat dan pasir yang berkualiti tinggi, En. Ramadas sangat teliti dengan penghasilan produknya supaya mengekalkan mutu seramik yang dibuat. Antara produk seramik yang dihasilkan adalah seperti tembikar, tempat meletak lilin, labu sayong, periuk nasi tradisional, buyung air dan banyak lagi. Kajian yang dilakukan ke atas tokoh adiguru kraf tradisional india ini sedikit sebanyak memperkenalkan tentang latar belakang beliau secara umum, ringkas tetapi lengkap.

TRANSKRIP TEMUBUAL

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL PERTAMA

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan dengan Encik Ramadas a/l Vengdasalam yang merupakan Tokoh Adiguru Kraf Seramik Tradisional India mengenai pengalaman beliau sebagai pembuat seramik. Rakaman ini dijalankan di Jalan Telaga Tujuh 2, Kuala Selangor, Selangor pada 18hb Disember 2022 jam dua belas tengahari. Wawancara ini dikendalikan oleh Nur Alin binti Nor Azman dan dibantu oleh Nurul Fatimah Azzahrah binti Badrul Alam. Dengan segala hormatnya, kita mulakan rakaman ini.

NA : Selamat pagi dan salam sejahtera Tuan Ramadas. Seperti yang dirancang hari ini kita akan mengadakan sesi temubual bersama Tuan Ramadas a/l Vengdasalam iaitu seorang adiguru kraf seramik tradisional india. Bagi membuka soalan yang pertama, boleh tuan bagitahu nama panggilan atau nama gelaran tuan?

RV : Selamat datang dari UiTM Puncak Perdana Alin dan Azizah, welcome selamat pagi. Saya Ramadas a/l Vengdasalam. Umur 71. Sebagai adiguru dalam bidang kraf tangan seramik india dan saya mula dengan cerita lama sikit dan baru ye. Saya mula pada tahun 1998. Pada masa itu, sebelum itu bapa saya bikin [buat] dulu. Lagi dulu pun ada orang bikin [buat] ratus tahun dulu. Sebab ini Kuala Selangor, ada tanah liat yang cantik. Nama tanah liat ini *Ball Clay* [bola tanah liat], *b-a-l-l* iaitu boleh tahan atas dapur. Untuk barang hiasan, apa macam tanah itu kita boleh bikin [buat]. Tapi untuk masak, itu tanah mahu *Ball Clay* [bola tanah liat] sahaja boleh atas dapur boleh tahan api. Pada masa itu, sini sama kawasan sini kayu bakar banyak dan sini dekat – *estate* [estet] ada pasir. Kayu, pasir, tanah. Ini tiga sahaja yang penting untuk bentuk barang

tanah liat. Jadi, pada masa itu sekolah saya pada tahun '60 an, belum ada jalan raya. Ini hutan punya tempat. Jadi, kepentingan ini orang India ada lebih kurang 50 keluarga di kawasan ini. Satu bulan lima puluh ribu bekas akan dikeluarkan oleh pembuat periuk tanah. Dan sekarang tinggal empat keluarga sahaja yang bentuk barang tanah liat. Semua orang sudah keluar daripada ini dan pendek kata tidak suka sama [dengan] tanah. Kalau *you* [awak] kerja lain pun dia dapat dua tiga ribu ringgit. Ini kerja pun dapat dua tiga ribu ringgit. Jadi dia sudah bersih dan senang. Sekarang punya murid la. Dan pada saya muda, pada tahun '78 saya yang buat sini. Masa itu ada lima enam keluarga sahaja. Sekarang tinggal empat keluarga sahaja. Dan barang barang yang saya bentuk, periuk tanah, untuk masak kari, masak nasi, dan barang-barang sembahyang India. Dan pelbagai jenis barang ditempah oleh pelanggan. Apa barang yang ditempah, saya boleh bikin [buat]. Dan dari 2000, tahun 2-0-0-0, Menteri Besar Selangor datang ke tempat saya. Lepas dia datang saya ada kemajuan. Saya buat bekas dengan acuan. Dia bantu saya dengan dua ribu ringgit malaysia. Lepas itu, saya maju sikit-sikit dan ajar kepada siapa yang minat atas bidang ini, saya ajar. Dan Kraftangan Selangor, tahun 2012, dia tengok saya punya kemahiran dan dia lantik sebagai adiguru. Dan dia beri banyak bantuan. Bantuan untuk tampung gas, perubahan bengkel, dan pelbagai jenis bantuan dia berikan. Sekarang saya mahu ucapkan terima kasih kepada Kraftangan Malaysia dan Selangor. Ada soalan?

NA : Okay untuk soalan seterusnya, untuk sesi temubual ni kita ada nak panggil tuan tuan sahaja atau nak panggil Encik Ramadas?

RV : Ramadas pun boleh, ayah pun boleh (ketawa)

NA : (ketawa) Kita nak panggil ayah la. So adakah ayah ada terima nama panggilan daripada kawan-kawan?

RV : Ada ada, untuk apa tu?

NA : Macam untuk orang terdekat ke [atau] nama biasa sahaja?

RV : Di keluarga dan di luar, di kawasan ini semua orang panggil ayah sahaja.

NA : Ayah sahaja ye [ya]

RV : Menantu saya pun panggil ayah.

NA : (ketawa) Panggil ayah. Okay, so untuk tarikh yang tepat I mean tarikh yang betul bila ayah dilahirkan?

RV : Tarikh lahir dua puluh lima bulan lapan '51.

NA : Boleh kami tahu dimana ayah dibesarkan?

RV : Saya semua sebagai pokok itu tidak boleh diubah. Kalau kereta boleh jalan la.

Macam itu saya satu pokok, saya lahir di Kuala Selangor, kerja di Kuala Selangor, beli kebun di Kuala Selangor, duduk rumah di Kuala Selangor.

Semua di Kuala Selangor.

NA : Semua di Kuala Selangor. Jadi tidak pernah berpindah keluar dari Kuala Selangor?

RV : Tidak pernah. Atas perjalanan bidang ini, saya pergi demo dari Langkawi Johor.

NA : Izinkan ayah cerita sedikit sejarah pendidikan seperti pernah bersekolah dimana ke [ka] pindah sekolah ke [ka]?

RV : Saya lahir di Kuala Selangor. Pada masa itu, '51 saya lahir. '57 saya pergi sekolah. '57 waktu saya pergi sekolah, saya paling ingat semua. Pada tahun itu sahaja musim merdeka. Saya darjah satu. Pada musim itu, sekolah inggeris sahaja banyak. Saya belajar di sekolah inggeris di Kampung

Kuantan.

NA : Nama sekolah?

RV : Nama sekolah Sultan Abdul Aziz. Sekarang sekolah menengah lepas itu _____ tingkatan satu, itu sekolah nama Sultan Abdul Aziz.

NA : Adakah ayah ada juga sambung pendidikan selepas habis SPM?

RV : Selepas SPM, pada masa itu dikatakan sebagai LCE [Lower Certificate of Education]. Lepas itu, SPM Sijil Pelajaran Malaysia (sedu) jadi masa itu umur saya 18. Lepas sekolah saya cari kerja, tidak dapat kerja. Saya ikut sama bapa, tolong bapa, dan saya belajar sedikit. Walau bagaimanapun, saya punya bapa sudah ajar saya di sekolah inggeris. Dan saya ada sambung dengan orang-orang lain atas bidang ini. Cina, Melayu, semua saya ada campur. Jadi saya ada ideologi untuk mahirkan kerja ini. Dulu, bapa saya pijak tanah dengan kaki, uli dengan tangan. Itu kerja yang banyak susah. Dan dibakar _____ namakan *Open Firing* [pembakaran terbuka] Awak boleh tengok di TV [televisyen] ada labu sayung yang dibakar di luar. Itulah yang dikatakan *Open Firing* [pembakaran terbuka].

NA : Seperti yang kita tahu, ayah sudah berkahwin. Sekarang isteri ayah suri rumah ke [ka] atau bekerja?

RV : Dia sebenarnya suri rumah. Jadi, penolong banyak untuk. *She is very helpful for me. "Every man behind is a woman"*.

NA : So ayah ada berapa orang anak?

RV : Saya ada tiga anak. Anak yang pertama, perempuan. Dia sudah kahwin - ada anak, dia pun ada anak katakan cucu lah. _____ Anak yang kedua ialah lelaki. Dia ikut dengan saya. Atas bidang ini. Anak nombor tiga, pun perempuan. Dia cikgu di sini. Jadi saya pun ada tujuh cucu.

NA : Anak lelaki yang ikut seramik ni. Bagaimana ayah boleh perasan yang anak lelaki ayah itu ada minat? Macam mana boleh perasan?

RV : Dia selepas SPM, dia keluar daripada – memang sekarang punya budak lelaki tidak suka tinggal dengan ibu bapa. Dia nak keluar dan tengok dunia macam mana. Saya pun biarkan, biar dia jalan-jalan dahulu. Dia pergi dua tiga tempat empat lima tempat, dia kerja tidak puas sebab dia mahu jadi *manager* sendiri. Dia tidak mahu jadi seorang kuli. Lepas itu, dia enam tujuh tahun dia tidak – apa-apa selepas _____ pada umur 26 dia _____ lepas kahwin pun dia keluar daripada keluarga. Untuk cari kerja yang sempurna untuk dia tetapi dia tidak dapat. Jadi dia patah balik kepada saya, tinggal dengan saya. Dia panggil suruh ajar sama [dengan] dia suruh ajar macam mana mahu buat saya ajar sama [dengan] dia. Sekarang saya biarkan perniagaan (sedu) untuk dia dan saya selesa dan sihat. _____ itu boleh datang buat *assignment* [tugasan]. Siapa-siapa yang panggil saya ajar, saya bikin [buat] ajar.

NA : Tentang ibu bapa ayah kan, mereka sekarang masih hidup ke [ka] sekarang masih ada lagi?

RV : Saya punya mak meninggal waktu umur 2. Jadi bapa kahwin lagi satu. Dan bapa saya meninggal sudah lima belas tahun. Waktu dia meninggal, umur dia 85.

NA : Boleh ayah kongsi tak apa pekerjaan ibu dan bapa ayah pada waktu dahulu?

RV : Cerita keluarga ya. Mak tiri itu tengok lah macam mana. Saya hidup dengan banyak masalah. Kalau mak sendiri itu lain. Mak sendiri, ini hari awak bikin [buat] jahat, tidak boleh kasi [bagi] makan. Tetapi senyap-senyap suruh kasi [bagi] makan. Tetapi mak tiri, tidak makan terus tidak makan.

NA : Ayah buat seramik dulu. Bapa kepada ayah. Sudah berapa tahun bapa kepada

ayah buat seramik dulu?

RV : Dia datang dari India pada tahun 1938. Pada masa itu, dia datang untuk kerja di *estate* [estet] Dia _____ macam mana dia datang. _____ dia cari kerja di *estate* [estet] dan dia kerja di *estate* [estet] di Johor. Di Johor, dia tengok di kedai ada barang-barang tanah liat dijual di kedai. Jadi dia tanya di kedai dari mana ini barang datang. Apa macam [jenis] barang. Jadi, saya punya bapa waktu datang sudah tahu ini kerja. Jadi ada satu kedai, ada datang dari Kuala Selangor. Dan dari situ, dia lompat [pindah] ke Kuala Selangor dan teruskan kerja di sini.

NA : Selain ibu bapa, siapa yang juga sokong dan dorong semangat ayah untuk terus buat seramik?

RV : Yang ini, saya dan _____ pada masa _____ waktu saya kecil _____ '60 an. 1960. Ada satu cikgu yang dia bikin [buat] *research* [kajian] atas *Indian pottery* [seramik India]. Dia bikin [buat] *research* [kajian] dan dalam itu pun dia ada _____. Dia ada satu studio sendiri macam ni, ajar semua murid-murid. Macam mana bikin [buat] acuan dan macam mana bikin [buat] periuk. Bakar semua dia tahu. Dia ada baca di Scotland. Dari Scotland, ada satu cikgu datang ke – sekejap ya. Malaysian Institute Arts di Ampang, Hulu Klang. Dari satu cikgu yang dari dari situ, dia panggil sama [dengan] saya untuk bikin [buat] sana, dia ajar sama [dengan] saya, teliti dengan acuan. Pada masa itu, dia cakap satu perkataan “*Ramadas, this is fine arts. Don't flinch any job. That is a very bright future for you*”. Itu satu perkataan, sampai sekarang saya tidak boleh lupa. Dengan itu sahaja, saya teruskan.

NA : Sebelum ayah buat seramik ini, ayah ada tak kerja dalam bidang lain?

RV : Ada ada. Masa umur kecil, (batuk) selepas sekolah. Apa *you* tahu, cuci kereta.

Itu satu kerja sahaja saya bikin [buat]. Gaji satu hari berapa ringgit. Nasi lemak tiga puluh sen. Teh dua puluh sen. Pada masa itu. Sekarang tengoklah (ketawa).

NA : Sekarang mahal (ketawa)

RV : Nasi lemak tiga puluh sen tidak boleh makan habis. Sedap. Itu beras pun wangi.

NA : Agak-agak apa pengalaman manis dan pahit ayah sebelum mulakan perniagaan seramik ini?

RV : Yang manis itu, perkataan saya punya cikgu. Yang pahit itu, apa yang saya mahu bikin [buat] pun bapa saya lawan dengan saya “*you buat duit itu itu*”. Tetapi bila saya sudah maju, dia sokong (ketawa). Permulaan marah, tidak beri semangat.

NA : Untuk soalan berkaitan minat tadi itu, ada tidak ayah sertai mana-mana kelab atau kelas yang terlibat dengan bidang seramik ini?

RV : Itu satu UiTM sahaja. Universiti Teknologi Mara dengan tadi saya sebut sahaja, Malaysian Institute Arts. Itu dua sahaja.

NA : Kalau macam tu boleh tidak ayah konsep prinsip atau moto hidup yang ayah guna dari dahulu sehingga sekarang?

RV : Moto, sendiri hidup sahaja.

NA : Pernah tak ayah dapat bantahan dari keluarga?

RV : Itu bantahan, tidak pernah. Keperluan keluarga kalau kita beri, tiada bantahan.

NA : Kalau macam itu, kawan-kawan pula ada tidak yang tidak sokong perniagaan ini?

RV : Kawan-kawan ada yang tidak sokong, dalam satu bidang atau satu kerja. Siapa

yang musuh. Itu satu kerja punya orang. Awak pun _____ *you* pun _____
memang musuh. Sebab itu, dalam bidang saya buat periuk, *you* buat periuk.
Memang musuh.

NA : Masa itu, ayah umur berapa?

RV : 25 hingga 35

NA : Agak-agak kalau ayah tidak buka perniagaan ini, apa yang ayah tengah buat sekarang?

RV : (ketawa) saya tidak boleh cakap saya jadi *manager*, saya boleh jadi seorang kuli sahaja.

NA : Kerja sama [dengan] orang lah. Okay, sebagai ahli perniagaan ini, apa perkara penting yang ayah nak fokus. Contoh nak fokus untuk dikenali orang ramai ke [ka] fokus perniagaan?

RV : Di fokus ini, saya punya *my achievements* [pencapaian saya]. *And I have achieved*. Sokongan orang ada. Ada orang mari [datang] belajar sama [dengan] saya. Ada orang mahu keterangan daripa saya. Semua saya bikin [buat]. Saya punya *achievement* [pencapaian] sudah siap. Ada anak, ada bini [isteri], ada cucu, ada rumah, ada kereta, keperluan saya semua ada. Dan satu sen pun saya tiada hutang.

NA : Ayah deskrib diri sebagai orang yang macam mana? Contoh orang yang tegas ke [kah]?

RV : Saya punya polisi. _____ *I am a good man. I will achieve my achievements. What I need, I can do. Without anybody's helper.*

NA : Berkaitan dengan hal Ramadas Pottery ini, ayah pilih untuk ada berapa orang jumlah pekerja?

RV : Macam sekarang tiada pekerja. Cuma seisi keluarga ada cucu, menantu, bini

[isteri], saya, adik saya, enam orang.

NA : Boleh bagi sebab tidak kenapa ayah pilih seisi keluarga sahaja?

RV : Saya ada pekerja sebanyak 10 orang. Jadi, sebelum COVID sudah mahu hantar balik. Jadi saya pekerja semua orang asing, ada di India dan Nepal. Saya sudah hantar balik. _____ orang baharu mahu kerja mahu gaji tinggi. Atas kerajaan, ini pendapatan kecil. Jadi tidak boleh bayar lebih. Dengan itu, kita sendiri punya kerja. Tidak payah cari banyak duit. Sendiri keperluan sudah cukup.

NA : Bagi pendapat ayah, apa etika terpenting masa nak buat kerja itu?

RV : Tidak faham.

NA : Etika macam perlu berkelakuan baik, berdisiplin.

RV : Itu sama Kraftangan Malaysia, dia tengok saya punya kelakuan saya punya prinsip. Baru saya jadi adiguru. Kalau tidak, saya tidak akan jadi.

NA : Kan seisi keluarga kerja sekali dengan ayah, so [jadi] pernah tidak sebagai *reward* [belanja] itu bawa keluarga pergi buat hari keluarga pergi makan-makan untuk sambut?

RV : Ya memang. Sambutan satu kali atau dua kali, kita keluar pergi makan atau keluar makan-makan. Itu hari jadi anak ke [ka] menantu ke [ka]. Itu semua kongsi makan, semua orang datang rumah. Macam hari raya pun ada. Hari raya bukan sahaja Deepavali, hari raya *you* [awak] punya kan, itu pun kita orang cuti. Krismas pun cuti. Masak-masak. Suka-suka makan.

NA : Bila cakap pasal [tentang] kan, apa masalah-masalah kecil yang ayah nak urus?

RV : Itu masa bapa saya semua ada. Dia sahaja urus. Sekarang saya sebagai bapa, tidak boleh urus dengan anak sebab dia [anak lelaki] punya ideologi lain. Saya punya ideologi lain. Saya cakap jangan makan ini dengan _____ dia mahu

makan juga dengan sudu. Kalau pakai sudu, dia cakap mahu pakai *chopstick* [penyepit] (ketawa). Itu semua keluarga ada _____ kadang-kadang buka kasut di sini. “Apa macam [pasal] buka kasut di sini, taruk [letak] sana”.

NA : Tentang hal pelanggan, adakah ayah buka untuk orang luar bagi tempahan?

RV : Ada ada. Orang luar daripada Terengganu pun ada, dari Johor pun ada.

Kebanyakan barang itu periuk uri dengan batu tungku. Tahu tak apa itu uri?

NA : Uri itu perut

RV : Ya, selepas salin punya. Batu tungku itu pun tempahan banyak.

NA : Jadi selalunya siapa yang buat tempahan itu?

RV : Saya yang buat. Keluarga saya daftar sendiri. Saya daftar sendiri. Jadi kebolehan saya, saya bikin [buat] barang kecil-kecil _____ saya.

NA : Bagi pendapat ayah, seeloknya pelanggan itu perlu buat tempahan awal itu berapa lama? Mungkin macam dua minggu bagi tahu *and then* [kemudian] dua minggu baru siap ke [kah]?

RV : Itu tidak kisah. Sebab saya punya pelanggan orang lama. Bila dia lapar, dia boleh makan saya tahu. Jadi saya akan siap sedia untuk dia.

NA : Kalau pelanggan itu tidak puas hati, bagaimana ayah selesaikan?

RV : Ini soalan (ketawa). Kalau dia tidak puas hati, dia akan hantar balik. Saya biki [buat] lain. Barang yang dia hantar balik, saya simpan. Siapa yang perlu, saya jual sama [dengan] dia. Sebab sekarang satu barang *you* [awak] perlu, lain barang *you* [awak] tidak perlu. Tetapi *you* [awak] punya tidak perlu, lain pelanggan hendak. Semua orang punya pelanggan ada idelogi tidak sama macam [jenis].

NA : Kita beralih ke perniagaan ayah pula, bagi Ramadas Pottery ini sendiri sebenarnya dari mana dapat idea untuk jalankan perniagaan ini?

RV : Itu pada masa – selepas sekolah, abang saya ada satu lori kecil. Dia jaga periuk tanah. Jadi saya ikut sama [dengan] dia. Saya ikut susah sedikit-sedikit, dan dia ambil lesen sama [dengan] saya. Ikut pandu. Dan selepas kahwin, _____.

NA : Adakah ayah masih ingat bila Ramadas Pottery ini dibuka secara rasmi?

Tarikh ia itu.

RV : Ini tidak dibuka sebagai _____ apabila saya daftar *Companies Commision* [Suruhanjaya Syarikat Malaysia].

NA : Sebelum kita pergi dengan lebih lanjut, bilakah ayah mula dikenali?

RV : Saya mula dikenali pada tahun '90 an. Waktu saya keluar berniaga. Saya _____.

NA : Ayah masih ingat lagi tidak bila pertandingan pertama yang disertai itu?

RV : Pertandingan pertama (ketawa). Boleh ingat boleh ingat. Iaitu dua puluh lima haribulan dua, 2-0-0-0. Itu tarikh Menteri Besar datang punya.

NA : Apa anugerah atau pencapaian yang ayah rasa paling bangga?

RV : Paling bangga iaitu pertama kali daripada Kraftangan Malaysia, dia beri – itu yang pertama. Selepas itu, saya jadi adiguru. Dan saya tulis *hundred* [ribu] thesis atas bidang *pottery* [seramik]. Saya dapat anugerah dari *Indian* _____ sebagai PhD.

NA : Ayah mendapat *title* [pangkat] adiguru kraf pada tahun?

RV : 2-0-1-2

NA : Pengiktirafan dilakukan di Selangor?

RV : Di Kompleks Kraf Selangor.

NA : Ayah pernah tak masuk rancangan TV [televisyen]?

RV : Ya. Ada dekat Astro, saya masuk. Rancangan RTM. Dan Tv1, Tv2, Tv3, dan berbagai. Ada NTV7, datang ambil *shooting* [gambaran] lima hari tiga hari.

Daripada A to Z, macam mana ambil tanah, macam mana uli tanah. A to Z.

NA : Apa perasaan ayah bila pertama kali dapat masuk TV [televisyen] itu?

RV : (ketawa) saya tidak seronok. Waktu keluar gambar, *very happy*. Waktu masuk [rakaman] memang goyang, *nervous* [gemuruh]. Waktu duduk tengok TV [televisyen], “Ini macam ka, mari tengok mari tengok!”

NA : Selepas daripada masuk TV [televisyen] itu, ada tidak dapat jemputan atau panggilan dari mana-mana agensi?

RV : Banyak agensi, untuk demo. _____ sampai London pun saya ada jalan. Daripada *Tourism Malaysia*. Tinggal satu minggu di London. Perjalanan tiga belas jam.

NA : Selain anak lelaki ayah itu, ada tidak saudara atau sepupu ikut bantu buat?

RV : Dia punya bini [isteri] sahaja yang bikin [buat] bantu. Yang lain tiada.

NA : Okay, mengapa ayah pilih perniagaan seramik sedangkan ada banyak lagi perniagaan?

RV : Saya pilih seramik sebab bapa saya bikin [buat] dengan cara tradisional. Jadi saya nak *modernize* [memodenkan] _____ *want to make modernize* [memodenkan]. Bila saya modernize, saya boleh bikin [buat] buka lebih jualan ada lebih wang pun ada lebih.

NA : Boleh tidak ayah kongsi macam mana ayah bahagi masa dengan keluarga?

RV : Ini kerja ini, kerja keluarga sahaja. Tetapi banyak perkara _____ bini [isteri] saya suruh pergi beli _____ saya sudah membuang masa untuk _____ saya siap-siapkan masa. _____ Makanan untuk sarapan pun saya siap-siap. Pintu _____ saya _____ untuk dua-dua cerita, ini macam masa.

NA : Ayah ada cadang untuk buka cawangan tidak?

RV : *No* [tidak]

NA : Adakah ayah mempunyai tokoh perniagaan yang diminati?

RV : Tidak

NFA : Okay kita masuk soalan kemahiran buat seramik ada tak [tidak] ayah buat kelas untuk ajar orang buat seramik ni [ini]?

RV : Ya, sebab itu saya bukak [buka] studio ini. Ini tempat sebab saya punya kilang itu tak [tidak] cukup tempat untuk ada _____ ini basic kalau siapa yang minat boleh mari belajar, saya akan ajar *basic* [asas]. Bila ajar *basic basic* [asas] sudah tahu, boleh bikin [buat] kerja sendiri.

NFA : Sudah berapa tahun ayah masih kekal hebat buat seramik ni [ini]?

RV : Daripada tahun 1978 dan *you* [awak] buat kira lah (ketawa) sana tiga dua puluh lapan tahun apa sekarang dua puluh dua kira lima puluh tahun punya

NFA : Jadi sudah lima puluh tahun. Agak agak berapa lama orang tu [itu] orang yang belajar buat seramik tu [itu] untuk betul betul mahir buat seramik?

RV : Dalam ini kerja betul betul mahir mau enam bulan ye

NFA : Enam bulan

RV : _____ enam bulan yang tadi ni di kraf tangan Selagor di pelepak ada kursus

NFA : Ada kursus

RV : Ada kursus dan UiTM [Universiti Teknologi Mara] semua ada kursus murid yang ada belajar disitu dengan teori jadi dia datang untuk saya untuk praktikal. Jadi saya ajar untuk praktikal tidak terima bayaran sebab dia sebagai penolong saya

NFA : Okay untuk menghasilkan seramik ni [ini], apakah pengetahuan atau kemahiran yang diperlukan?

RV : Minat

NFA : Minat?

RV : Itu saja yang banyak penting. *If you are interested, you join* [jika awak berminat, awak ikut]

NFA : Okay seramik ini sebenarnya memang popular, tapi dia popular tak [tidak] untuk semua lapisan masyarakat?

RV : Aah [ya] ini betul betul untuk semua masyarakat sebab orang india, melayu, cina, Benggali semua ada simpan air, ada masak, bikin [buat] ubat, periuk jamu, simpan garam, simpan asam jawa, semua _____ ini tanah untuk bukan satu orang

NFA : Selalunya siapa golongan yang selalu berminat untuk beli seramik ni [ini]?

RV : Orang melayu saja banyak

NFA : Orang melayu?

RV : *Because population* [sebab populasi] di Malaysia, orang melayu banyak (ketawa)

NFA : Okay, boleh tak [tidak] bagi sebab kenapa golongan orang melayu tu [itu] minat seramik ni [ini]?

RV : Yang pertama sekali, orang melayu bikin [buat] banyak barang ubat tradisional

NFA : Ubat tradisional?

RV : Banyak barang bikin [buat] banyak barang ubat tradisional dengan dengan periuk tapak umur tiga puluh atas banyak orang ada ambik [ambil] bikin [buat] ubat untuk sakit untuk apa apa dia mesti pilih barang tanah liat sebab ada boleh masuk kat [dekat] klinik ke hospital ke *you* [awak] boleh tengok barang *average silver* [perak purata] bekas *glass* [kaca], *glass* [kaca] itu buatan tanah, buatan tanah barang guna *glass* [kaca] atau porcelin tanah kerana itu _____ paling bersih. Satu lagi untuk hospital pun tanah liat ini

diguna sebagai ubat iaitu orang makan *poison* [racun], *poison* [racun] pun macam mana makanan racun, jadi bila sudah makan racun dia beri ini tanah liat dibancuh macam lodek kasi telan. Ini itu tanah melekat di perut dan bagi muntah. Itu racun tidak lari ke badan.

NFA : Okay, kenapa ayah bercadang untuk memilih lokasi perniagaan kat [dekat] sini?

RV : Itu macam saya lahir sini, saya punya bapak pun sini saya punya suasana sini banyak bagus *and* [dan] penting tanah liat di Kuala Selangor. Pada masatu pada masa bapak saya ayah saya buat dulu sini ada orang melayu ada banyak kebun. Jadi, kita pinjam bukan satu kita bikin [buat] longkang itu sempadan, bikin [buat] longkang itu longkang kita bikin [buat] longkang itu tanah kita ambik. Jadi tuan kebun untung longkang ada bayaran sikit kita ada untung tanah. Jadi itu sebab tanah sini murah tapi sekarang tidak [tiada] lagi.

NFA : Okay, sebenarnya ayah uruskan sendiri perniagaan ni [ini] atau mempunyai lebih daripada seorang pengurus maksudnya macam *business partner* [rakan kongsi]?

RV : *No business partner* [tiada rakan kongsi]. *Single man* [lelaki bujang] dan daripada ideologi Majlis Daerah Kuala Selangor. Itu buat ambik lesen dan lesen itu jalan saya uruskan.

NFA : Jadi, ayah rasa berminat niaga ni [ini] daripada diri sendiri?

RV : Diri sendiri. Bukan dari diri, daripada bapak

NFA : Mengenai jenis produk yang ayah tawarkan kepada pelanggan maksudnya seramik tu [itu] lah , ada berapa jenis secara jumlahnya?

RV : Pada periuk belanga yang masak kari punya masak kuah punya _____ dua dua belas inch dan tujuh inch. Dan buyung masak nasi punya tiga jenis. Barang

simpan air satu jenis yang isi sepuluh liter air. Dan bekas tomyam itu bunga telur lagi tempat bara, pelita bekas ada pelbagai jenis punya.

NFA : Boleh ayah cerita apa keunikan seramik yang disediakan oleh ayah berbanding orang lain punya?

RV : Semua orang bikin [buat] dengan tanah tetapi tanah liat Kuala Selangor baik dan cantik, bekas yang dibuat dengan tanah liat _____. Saya tidak boleh cakap saya yang paling pandai tidak. Semua orang ada dia punya unik. Orang pilih sebab saya ada bekas saya ni [ini] lebih cantik sikit cantik daripada lain. Lagi nombor dua, masak dengan bekas tanah liat apa yang kita masak memang basi tapi ini lambat basi. Ini lambat basi. Kalau malam *you* [awal] bikin [buat] kuah ikan pagi suam. Tidak sejuk

NFA : Dia boleh tahan panas

RV : Kalau masak apa tu [itu] masak kuah terung ke bendi ke sayur, bila waktu masak sudah isi tutup sekejap saja dan panas api. Itu periuk punya panas dia akan masak. Kalau *you* [awak] kasi dia belum masak nanti tidak [tiada] alamat.

NFA : Bagaimana ayah mempromosikan seramik ni [ini] dekat orang orang luar?

RV : Ini itu soalan dah dekat dengan Kuala Selangor sudah famous [popular] dengan ini bidang. Dalam Kuala Selangor sudah famous. Jadi pelanggan ataupun orang mau tempah dia datang tengok saya sapa sapa [siapa siapa] dan tanya dia cakap sana murah sini murah sini bikin [buat] baik punya bikin [buat] baru dia ada pilih. Saya tidak itu pilih.

NA : Kalau orang luar negeri pulak [pula]?

RV : Dia sekarang ada Facebook (ketawa)

NFA : Adakah ayah sendiri yang bertanggungjawab untuk mempromosikan produk ini atau ada orang lain or [atau] anak ke?

RV : Tidak. Saya saja. Saya saja promosikan produk. Kalau satu produk memang kalau tak [tiada] jual baik baik, saya tukar produk, tukar itu bentuk sikit sikit [sedikit sedikit].

NFA : Kemudian, lepas je [sahaja] bukak perniagaan Ramadas Pottery ni adakah ayah pernah gagal dari segi pengurusan atau jualan?

RV : Ada masalah sikit [sedikit]. Kadang kadang memang sekarang isi barang lori dalam satu tan boleh jual sekarang boleh jual dalam dua ribu ringgit boleh isi barang. Pada masa dulu, waktu saya beli buat isi penuh penuh dapat enam ratus. Saya pun tidak dikenali pada pelanggan satu kali saya pegi Gemas untuk berniaga sampai pagi sarapan pun wang tak [tiada]

NFA : Tak [tidak] dapat?

RV : Tak [tidak] dapat. Saya pergi satu kedai cina saya jual dengan murah murah isi minyak kemudian sarapan. Itu macam punya susah pun saya hadapi. Pada masa itu, itu perayaan pun saya tidak dapat beli baju pun tak [tiada]. Kesusahan banyak dihadapi.

NFA : Apakah faktor yang menyumbang kepada kegagalan kesusahan tersebut?

RV : Pada masa tu, barang banyak itu sebab sekarang pada masa itu lima puluh keluarga yang buat barang banyak sekarang tinggal lima keluarga kita sombonglah.

NFA : Ayah mengambil berapa tahun untuk stabilkan perniagaan ni?

RV : Untuk stabilkan? Itu macam _____ dekat 15 tahun. Orang pelanggan yang mula mula beli pun, _____ dua belas satu kali _____ satu bulan satu kali mesti boleh beri sebab ada orang jual kelapa dia beli sekali dengan orang pembeli

kalau dia tak [tidak] dapat itu kedai tadak kelapa nanti dia marah sama dia. Macam tu [itu] jangan la awak boleh lari sebab lain dulu dia ada beli sama lain orang. Dia putuskan itu orang baru beli sama saya. Tadi kali kedua yang dia pegi [pergi] beli dia sokong pulak [pula] (gelak). Itu punya banyak masalah la. Sekarang pun ada masalah. Sekarang pun ada.

NFA : Jadi, ayah mulakan perniagaan tu [itu] awal kan, apakah cabaran waktu memulakan perniagaan tu [itu] pada usia yang muda?

RV : Saya punya muda pun mecam ini juga.

NFA : Untuk soalan seterusnya, berapa modal yang diperlukan ketika membuka perniagaan pada tahun itu?

RV : Modal itu ringan saja la tinggal satu roda buat dengan kayu dengan simen dan *paddling stick* [kayu kayuh] katakan satu batu dengan papan tenaga. Itu saja yang penting. Tapi sekarang mau [mahu] dekat lapan puluh ribu. Dulu [dahulu] lapan puluh ringgit cukup.

NFA : Jadi, daripada mana modal tu [itu] diperoleh? Daripada pinjam keluarga ke, daripada bank ke, ada tak [tidak] buat pinjaman ke?

RV : Saya ada buat pinjaman untuk bikin [buat] alat, alat bikin [buat] uli tanah buat itu pinjaman daripada *Islamic Bank* [Bank Islam].

NFA : Pernah tak [tidak] ayah menghadapi masalah kewangan dalam tempoh perniagaan?

RV : Ada banyak. Itu memang semua orang ada. Ada tadak [tidak] bayar sampai sekarang tadak [tidak] bayar orang orang. Ada yang meninggal.

NFA : Okay, adakah ayah bersetuju perniagaan ni [ini] membawa rezeki kepada ayah, kepada keluarga ayah?

RV : Tadak [tiada] rezeki memang okay semua okay. Bukan ini kerja saja, apa apa kerja kena fikir dapat pendapat ini baik semua sempurna. Selalu pendapatan tadak [tidak] cukup lawan lah (gelak).

NFA : Adakah ayah fokus pada perniagaan ni [ini] sahaja?

RV : Saya fokus dalam satu *business* [perniagaan]. Ada saya punya kawan dia tau kerja satu ratus kerja dia tau bikin [buat] mancis, bikin [buat] sabun, bikin [buat] sirap pun buat kerja sebarang dia tapi satu benda pun dia tadak [tidak] pandai. Saya bidang ini bidang saja satu saja (batuk).

NFA : Tapi mahir (gelak). Untuk kategori seterusnya. Cabaran dan halangan ayah dalam menjual seramik. Okay soalan pertama, cabaran untuk mempromosikan seramik ni macam mana?

RV : Itu semua saya jalan pakai lori saya jual. Saya ada pakai lori saya ada katakan jadi keluarkan perniagaan itu sendiri _____.

NFA : Semakin bertambah tahun harga bahan mentah pun semakin tinggi, adakah itu memberi impak untuk jualan seramik ni [ini]?

RV : Pada dua sebelum covid ada saya hadapi masalah macam ni [ini]. Selepas covid sekarang saya harga saya sekarang barang dah naik tinggi tapi pelanggan yang beli dia beli sempurna, dia faham. Kalau *you* [awak] pun dua puluh ringgit, *you* [awak] pun dua puluh ringgit dia pun dua puluh ringgit dia mesti beli sama satu orang. Kalau *you* [awak] lima belas *you* [awak] dua puluh dan dia sepuluh dia cari pilih orang.

NFA : Bagi orang yang tak [tidak] tahu, berapa kos yang ayah guna untuk buat satu seramik?

RV : Satu bahan. Ada bekas kecik ada yang besar. Untuk kecik pelita boleh saya jual dua puluh sen pelita kecik (tunjuk pelita kecik) tapi modal itu lebih kurang

dalam sepuluh sen. *Fifty* [lima puluh] peratus punya. Ini pasir, tanah liat, tenaga, bakar da buat kira bungkus. Ada lima kerja.

NFA : Sebenarnya berapa orang yang diperlukan untuk buat satu produk?

RV : Ini tak boleh kira satu produk je [sahaja]. Misalnya kalau saya sendiri, saya boleh bikin [buat] ini hari saya boleh bikin lima puluh lebih katakan lima puluh biji ye buyung, lima puluh biji buyung satu sepuluh ringgit. Jadi lima ratus ringgit. Untuk tapi uli tanah satu hari, bikin [buat] satu hari, kering satu hari, dia punya bahan untuk bakar cari satu hari, bakar satu hari, keluar dan kira bungkus satu hari dan untuk lima puluh biji kena enam hari. Jadi itu untuk lima ratus ringgit mau [mahu] bahagi enam kali.

NFA : Okay, pada tahun 2020 masa covid tu [itu], bagaimana penjualan seramik ni [ini]?

RV : Ini soalan banyak kali sudah tanya. Itu masa itu, saya ada satu kelakuan yang tidak baik iaitu hisap rokok. Saya beli hisap rokok satu hari satu kotak masa itu saya kena gulung dengan kertas tak [tidak] ada pendapatan. Tak [tidak] ada orang masuk bank punya duit kurang. Itu masa itu jangan cakap la.

NFA : Pada pendapat ayah, adakah seramik ni [ini] masih relevan untuk orang?

RV : Ya, sampai sekarang banyak relevan ada popular dia bukan segi tak [tidak] ada banyak barang import daripada Indonesia dan China. China sebab barang dibuat di Malaysia tidak dicukupi untuk Malaysia.

NFA : Jadi, bila biasanya seramik ni [ini] dapat sambutan tinggi contohnya macam nak hari raya ke tiba tiba dapat sambutan?

RV : Khas untuk orang India, bulan sepuluh, sebelas, dua belas tiga bulan saja banyak laku bikin [buat] buyung untuk Ponggal. Lain lain masa barang masak biasa saja [sahaja] lah.

NFA : Di Ramadas Pottery, ayah guna berapa kos pulak [pula] untuk tujuan pemasaran seramik?

RV : Pada masa sekarang dekat lapan puluh ribu lah sebab ada banyak jentera dulu tadak [tiada] jentera.

NFA : Soalan seterusnya, jadi buat masa sekarang ni [ini], masih guna berapa harga yang ditetapkan macam barang tu [itu] masih kekal harga sama *or* [atau] naik ikut bahan?

RV : Ikut bahan. Harga barang sudah banyak naik. Dulu [dahulu] saya jual sepuluh ringgit sekarang saya jual tiga puluh ringgit.

NFA : Pernah tak [tidak] ayah rasa putus asa untuk teruskan perniagaan?

RV : Tidak

NFA : Okay, apakah harapan ayah untuk meluaskan lagi perniagaan ini?

RV : Saya sekarang sudah meluaskan niaga, tapi ideologi saya untuk bikin studio, saya sudah bikin studio dan untuk ajar murid untuk belajar ini dalam ini bidang.

NFA : Untuk kategori terakhir, ada cadangan tak [tidak] untuk mempertingkatkan kesedaran tentang pembuatan seramik ni [ini] kepada masyarakat?

RV : Cadangan saya ke? Saya selagi kasi [bagi] tau [tahu] semua Kementerian Pelancong belum ada jawapan lagi.

NFA : Di Ramadas Pottery sendiri, apa strategi ayah yang paling efektif untuk mempertingkatkan jualan seramik ni [ini]?

RV : Bekas ke?

NA : Ha boleh. Untuk ubah macam ayah tukar design tu [itu] kan nak tingkatan lagi jualan tu [itu].

RV : Iaitu saya ada ideologi buat bikin [buat] barang karbonas produk katakan itu bekas hitam degan sekampan dia boleh tahan dia punya aroma pun lain. Itu saya suka bikin [buat] itu *types* [jenis] tapi belum saya tak [tidak] saya tau [tahu] itu cara tapi saya belum *start* [mula] lagi. Itu saya ada belajar di Kuala Kangsar.

NFA : Selain itu, apakah kesan jika generasi muda masa kini mengabaikan dan melupakan seramik?

RV : Itu saya tak [tidak] boleh jawab sebab sekarang ni [ini] budak budak sekarang dia dengan telefon saja [sahaja] cari, cari dia buat tidur. Saya tak [tidak] boleh kasi nasihat ini kerja bikin [buat] boleh cari ini tak boleh nasihat.

NFA : Bolehkah ayah kongsi sedikit mengapa kita perlu kekalkan dan tahu pasal seramik ni [ini]? Untuk perubahan ke apa yang penting?

RV : Barang barang tanah liat ini yang katakan banyak penting untuk semua manusia bukan orang Malaysia saja [sahaja] semua manusia di semua negara. Di *France*[Perancis] ada musim panas, musim kemarau, musim hujan, *spring* [musim bunga] sama *autumn winter* [musim luruh musim sejuk] ada. Dengan *summer* [musim panas] dengan *spring* [musim bunga] saja [sahaja] diorang [mereka] ada bulan saja bikin [buat]. Ada bulan bikin [buat] barang sebab stok lagi tiga bulan tadak bikin [tidak buat]. Tapi cuaca di Malaysia kena sepuluh tahun dulu [dahulu] _____ itu hari kadang dia kita ada dalam barisan tengah dua hari hujan dua hari panas tiga hari hujan dua hari panas macam itu tapi sekarang cuaca Malaysia pun dah tukar. Sekarang cuaca Malaysia berpada tahun ini tahun bulan sepuluh, sebelas, dua belas sudah jadi musim hujan. Jadi, orang Malaysia ini akan seperti saya pembuat bekas ini perlu kepada semua masa boleh bikin [buat] ubat, boleh simpan air, boleh masak kegunaan untuk

kehidupan manusia barang barang tanah liat pun banyak penting kegunaan pun ada banyak. Pada masa depan satu periuk lima puluh ringgit dia orang beli sebab pendapatan di Malaysia *a single man can earn more money and they can spend* [seorang lelaki bujang boleh mendapat lebih banyak wang dan mereka boleh berbelanja]. Ada sorang melayu dia pangkat tinggi dia boleh beri saya punya barang saya kata tiga puluh dia kasi [bagi] lima puluh ringgit. Dia punya sebab lain, dia cari banyak tempat tak [tidak] dapat *then* [kemudian] sini dengan saya saja[sahaja] dia dapat. Jadi dia banyak hadiah dia bagi itu pun ada. Ada orang tiga puluh punya minta dua puluh (gelak) itu pun ada ini pun ada.

NFA : Okay soalan terakhir, apa nasihat ayah kepada pelajar universiti yang menceburi bidang ni [ini]?

RV : Ini dalam bidang ini untuk yang penting untuk ideologi yang baru ini macam punya kerja pun ada di dunia mau buat tengok *experiences what is it* [mengalami apa itu]ini macam ini kan kesusahan manusia ini macam ada awak sama saya murid untuk ubah ke untuk ikut ke itu *you* [awak] punya idea. Ini sekarang buat ni [ini] datang sini bukan saja *interview* [temubual] untuk cari ideologi yang baru. Itu saja minat awak yang penting. Ini macam punya kerja awak punya cikgu _____ ini pergi. *So* [jadi], *you* [awak] ada murid, ada murid daripada satu universiti saya tak [tidak] tau ada ini tadi *potters day in the light* [hari tukang periuk dalam cahaya], *potters day* [hari tukang periuk] sebagai saya *potter* [tukang periuk] daripada bahan paya pagi apa saya bangun, bangun dia pakai sini tidur dia bantu _____ dan ambik video dan _____ *bicycle* [basikal] bikin [buat] periuk *A to* [sehingga] *Z a potters day in the light* [hari tukang periuk dalam cahaya]. Ini itu dia bukan mau [mahu] bikin [buat] tapi

dia nak ideologi macam susah nak. Itu nelayan dia pergi laut balik saja [sahaja] ada ibu ada dia punya la kalau tadak [tiada] balik pun ada. Macam itu lah kita punya kehidupan. Ini datang untuk ideologi. Ini idea saya lah.

NA : Okay untuk soalan untuk ayah sendiri kita dah habis semua

5.1 TRANSKRIP TEMUBUAL KEDUA

NA : Selamat pagi dan salam sejahtera, boleh kita mulakan dengan nama puan?

CLM : Nama saya? Chellama. C-H-E-L-L-A-M-A.

NA : Okay sebagai orang yang terdekat dengan ayah, kan kita panggil ayah. Ada tidak puan sendiri minat dengan seramik ini?

CLM : Memang minat dulu-dulu. Zaman saya memang pakai ini sahaja. Periuk tanah sahaja buat masak ke [kah] apa-apa semua.

NA : Ada tidak ayah mempengaruhi puan sehingga puan pernah masuk kelab ke [kah] kelas ke [kah] untuk buat benda ini?

CLM : Saya? Tidak, saya ini memang tahu ini punya periuk diorang [mereka] buat punya. Dulu masa dulu sampai sekarang pun ada guna juga. Dulu keturunan mak saya semua pakai periuk tanah dulu.

NFA : Ada belajar ke [kah]?

CLM : Belajar kurang, tetapi pernah lah tengok.

NA : Jadi, adakah ayah ini satu-satunya idola puan dalam bidang seramik ini ataupun perniagaan yang lain-lain ke [kah]?

CLM : Tidak, dulu sampai sekarang dia memang _____. Tetapi ini yang banyak jenis dia buat. _____. Periuk lagi ini macam [jenis] benda dia ada buat.

NA : Ada tidak ayah ni mendedahkan cara buat seramik ini dekat puan ke [kah] anak puan ke [kah]?

CLM : Dulu punya anak ada.

NFA : Bagi puan, puan rasa macam mana ayah ni [ini] bahagikan masa bersama keluarga?

CLM : Dia punya keluarga, anak dia sama semua rapat juga. Dia semua kerja anak lelaki dia pun kerja sama dia orang juga, dia punya cucu pun sama juga duduk satu tempat.

NFA : Jadi tu [itu] cara dia meluangkan masa bersama

CLM : Kerja sama sama, dia orang sama sama makan semua

NFA : Okay, kalau puan ingat apa cabaran yang paling sukar yang dihadapi oleh ayah? Macam perniagaan tak [tidak] *famous* [popular] ke?

CLM : Dia memang *famous* [popular] punya. Dia punya pangkat pun banyak

NFA : So [jadi], tak de [tiada] cabaran lah apa yang puan nampak?

CLM : Cabaran apa?

NFA : Macam contoh perniagaan tu [itu] kurang sambutan ke? Bulan tu [itu] tak [tidak] ramai yang beli, tak [tidak] ramai buat tempahan

CLM : Itu memang ada, bulan satu dia punya niaga ada banyak _____ bulan dua belas pun itu pakai pelita punya banyak ada. Selain itu, ada orang *order* [tempah] dia buat banyak. Dia hantar kedai semua

NFA : Bagaimana puan lihat ayah ni [ini] bangun semula dari kegagalan dia? Macam contoh cara dia hadapi kesukaran dia?

CLM : Macam mana?

NFA : Bila kan ada yang bulan tak [tidak] jual banyak ayah teruskan berniaga lah macam biasa?

CLM : Memang dia macam biasa. Yang ada niaga punya jam pun tak [tidak] niaga pun macam biasa

NFA : Ketika ayah ni [ini] masuk pertandingan puan ada hadir sekali ke memberi sokongan?

CLM : Itu orang tengok punya kalau dia mari cakap kita pun pergi la

NA : Kalau orang datang sini la baru tengok?

CLM : Tak. Dia pun mari cakap macam ni saya dapat semua saya dah _____.

NFA : Untuk menutup sesi temubual ni, apakah prinsip yang dipegang oleh ayah yang puan tahu? Macam contoh ayah cakap kita terus berusaha, jangan putus asa ke?

CLM : Memang dia sekarang umur macam itu kan, dia punya niaga pun ada, dia buat rajin kerja semua ada. Sampai sekarang pun dia buat jugak. Kalau orang mari pun dia kasi tunjuk macam mana buat semua ada. Umur saja tinggi tapi tengok macam muda.

NFA : Ya betul. Apa itu pun buku lagi tua daripada kami

CLM : Saya pun lagi tua buku tu. Tahun berapa. Dia keturunan bapak dia niaga ni [ini] buat ni [ini]

NA : Jadi, dah ada sepuluh soalan dah tanya tadi dekat puan. Itu sahaja *and* [dan] nak cakapkan terima kasih sebab sudi jawabkan soalan ni [ini] dan meluangkan masa walaupun sekejap sebagai jiran kepada Encik Ramadas. Itu sahaja. Terima kasih.

CLM : Baik, terima kasih

RALAT

6.0 RALAT

Semasa berlangsungnya sesi temubual secara bersemuka bersama Encik V.N Ramadas A/L Vengdasalam, terdapat beberapa permasalahan atau ralat yang tidak dapat kami elakkan sama ada secara langsung atau secara tidak langsung. Masalah pertama yang kami hadapi adalah penggunaan bahasa oleh tokoh. Bagi pendapat kami, penggunaan bahasa yang digunakan oleh tokoh adalah sukar untuk kami fahami kerana terdapat banyak perkataan yang kurang jelas dan ada yang kami tidak fahami langsung. Hal ini juga kerana, beliau berbangsa india. Jadi, semasa berlangsungnya sesi temubual tersebut, beliau telah menggunakan dua bahasa iaitu melayu dan english. Selain itu, semasa sesi temubual dijalankan kami menghadapi gangguan seperti bunyi motosikal yang sangat kuat dan bunyi-bunyian lain yang kuat yang sangat mengganggu sehingga menyebabkan rakaman video kami tidak boleh didengari.

RINGKASAN

7.0 RINGKASAN

Kami mengadakan sesi temubual ini secara bersemuka iaitu di studio milik Encik Ramadas A/L Vengdasalam. Kami melakukan sesi temubual pada tarikh 18 Disember 2022 iaitu pada hari Ahad. Sesi temubual tersebut telah berlangsung selama dua jam iaitu dari pukul 10.00 pagi sehingga 12.00 tengahari.

Nama penuh tokoh yang di temubual ialah Encik V.N Ramadas A/L Vengdasalam. Nama panggilan beliau ialah Encik Ramadas atau lebih selesa dipanggil ayah. Beliau dilahirkan di Selangor pada 25 Ogos 1951. Beliau telah menetap di Selangor sejak lahir lagi sehingga kini. Beliau telah berkahwin dan mempunyai tiga orang anak. Salah seorang daripada anak beliau telah mewarisi kemahiran yang dilakukan oleh Encik Ramadas. Beliau telah melanjutkan pelajaran sehingga sekolah menengah iaitu sehingga tingkatan lima. Beliau telah menceburi bidang kraf seramik selama lebih 40 tahun. Beliau kemudian diiktiraf sebagai Tokoh Adiguru Kraf Seramik pada tahun 2012 oleh Kraftangan Malaysia.

Sesi temubual diteruskan dengan mengajukan soalan yang lebih spesifik iaitu, kami telah bertanyakan bagaimana beliau mendapat idea untuk membuka atau menjalankan perniagaan Ramadas Pottery. Beliau menceburi bidang kraf seramik ini adalah kerana minat beliau dan seterusnya mewarisi kemahiran membuat seramik daripada ayahnya yang juga merupakan pembuat seramik. Seterusnya, kami bertanya tentang pertandingan serta pencapaian yang diperoleh tokoh. Beliau aktif dalam menyertai program yang dianjurkan oleh Kraftangan Malaysia. Beliau juga menjadi sumber rujukan di kalangan tukang kraf seramik india dan juga telah menjadi pengajar kepada pelajar-pelajar UiTM dalam program latihan industri. Salah satu pencapaiannya adalah beliau telah menerima Anugerah Tukang Ulung sempena Hari Kraf Kebangsaan pada tahun 2011 dan Anugerah Usahawan 1982 anjuran Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Seterusnya, kami bertanyakan cara beliau mempromosikan produk yang ditawarkan kepada orang luar. Beliau telah menggunakan sosial media seperti Facebook bagi mempromosikan produknya. Selain itu, kami juga bertanyakan tentang keunikan seramik yang dibuat di Ramadas Pottery. Beliau memberitahu bahawa seramik yang dibuat di Ramadas Pottery mempunyai sedikit kelainan atau keunikan yang tersendiri seperti tahan panas. Di samping itu, kami ada bertanyakan tentang cabaran atau kesusahan beliau ketika memulakan perniagaan. Beliau juga ada membuat pinjaman bank untuk membeli mesin uli tanah. Beliau mengambil masa lebih kurang lima belas tahun untuk menstabilkan perniagaan beliau. Banyak kesusahan yang dihadapi sebagai contoh beliau tidak dapat membeli baju baru ketika perayaan. Beliau tidak pernah merasa putus asa walaupun banyak cabaran yang telah hadapi. Selain itu, beliau akan menukar reka bentuk seramik jika seramik yang dipromosikan tidak mendapat sambutan.

Akhir sekali, kami bertanyakan tentang cadangan dan harapan beliau dalam bidang seramik ini. Tokoh memberitahu bahawa harapan beliau untuk memiliki studio serta meluaskan lagi perniagaan sudah pun tercapai. Beliau memiliki studio supaya dapat mengajar pelajar yang menceburi bidang seramik ini.

LOG TEMUBUAL

8.0 LOG TEMUBUAL

00.28	Latar belakang tokoh	<ul style="list-style-type: none">• 71 tahun• Kuala Selangor
00.56	Permulaan membuat seramik	<ul style="list-style-type: none">• 1998• Ikut jejak bapa
01.09	Sejarah seramik	<ul style="list-style-type: none">• Kuala Selangor• <i>Ball Clay</i>• Tahan api• Kayu bakau
03.15	Kegunaan seramik	<ul style="list-style-type: none">• Masak kari• Masak nasi• Sembahyang India
04.07	Pelantikan adiguru kraf	<ul style="list-style-type: none">• 2012• Kraftangan Selangor
04.57	Nama panggilan tokoh	<ul style="list-style-type: none">• Ayah
07.19	Tahap pendidikan tokoh	<ul style="list-style-type: none">• Sijil Pelajaran Malaysia• Kampung Kuantan• Sultan Abdul Aziz
27.33	Pertandingan pertama tokoh	<ul style="list-style-type: none">• 25 Februari 2000• Menteri Besar Selangor

29.02	Masuk rancangan TV	<ul style="list-style-type: none"> • RTM • Tv1 • Tv2 • Tv3 • NTV7
30.12	Jemputan dari luar negara	<ul style="list-style-type: none"> • London • Perjalanan 13 jam
31.25	Pekerja di Ramadas Pottery	<ul style="list-style-type: none"> • Seisi keluarga sahaja
35.00	Golongan yang sering membuat tempahan	<ul style="list-style-type: none"> • Orang Melayu
40.55	Cara promosi seramik ini kepada orang luar	<ul style="list-style-type: none"> • Sudah terkenal di Kuala Selangor • Facebook
42.07	Sejarah turun dan naik perniagaan Ramadas Pottery	<ul style="list-style-type: none"> • Muatan lori sedikit • Tidak terkenal dahulu
43.40	Tahun yang diambil untuk stabilkan perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> • Masa yang Panjang • 15 tahun
46.28	Perniagaan membawa rezeki kepada tokoh dan seisi keluarga	<ul style="list-style-type: none"> • Ada • Pendapatan yang baik

48.52	Kos yang diguna untuk buat seramik	<ul style="list-style-type: none"> • Seramik kecil seperti lilin ialah 10 sen • 50% modal daripada harga jualan
49.43	Bilangan pekerja yang diperlukan untuk buat satu produk	<ul style="list-style-type: none"> • Satu orang satu hari 50 biji
51.43	Pandangan tokoh terhadap seramik masih lagi relevan atau tidak	<ul style="list-style-type: none"> • Relevan • Masih popular
55.46	Pendapat tokoh mengapa kita perlu kekalkan seramik ini	<ul style="list-style-type: none"> • Tanah liat banyak kebaikkkan kepada semua orang di semua negara

9.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, rakyat Malaysia mempunyai masyarakat yang berbilang kaum dan pelbagai etnik, dan semestinya mempunyai kepelbagaian dalam kesenian dan budaya serta warisan. Penyelidikan bentuk-bentuk baru dalam pembuatan seni kraf seramik pada masa ini diperlukan untuk melanjutkan pembangunan dan penekanan seni kraf seramik di Malaysia. Seterusnya, masyarakat yang berbilang bangsa di negara kita akan menjadi aset berharga dalam mempertingkatkan khazanah seni dan budaya malah akan berkembang seterusnya menjadi tarikan pengunjung asing. Secara tidak langsung, ekonomi negara akan mendapat manfaat daripada keadaan ini.

Masyarakat secara tidak sengaja akan mendapat manfaat daripada penyelidikan ini dengan mempelajari lebih lanjut tentang potensi pascamoden sektor seramik di negara ini. Masyarakat juga akan dimaklumkan tentang perubahan hasil kerja seramik kontemporari yang dicipta oleh pembuat seramik melalui kajian ini. Di samping itu, tujuan kajian ini dilakukan adalah supaya masyarakat akan mendapat inspirasi untuk menjalankan penyelidikan tambahan mengenai seni seramik di Malaysia dan segala penyelidikan yang itu akan menjadi sumber rujukan akademik untuk penyelidik masa depan. Salah satu warisan budaya kita yang perlu dipelihara ialah kraf seramik. Ini adalah kerana keaslian dan nilai estetikanya. Kita seharusnya berbangga dengan kekayaan warisan kraf negara kita. Oleh yang demikian, seni kraf itu perlu diketahui secara lebih umum supaya tidak lupus ditelan zaman.

INDEKS

10.0 INDEKS

I

1998 - 10

A

Api - 10

Achievements – 17

Adiguru – 1, 2, 3, 4, 5, 8, 10, 11, 18, 20
40, 43, 50, 52

B

Ball Clay - 10

C

Cina – 13, 23, 26

COVID – 7, 18, 28, 29

Cucu – 13, 17, 35

D

Demo – 20, 28

Deepavali – 18

E

Enam – 11, 14, 18, 22, 26, 29

G

Glass – 23de

H

hundred - 20

I

India – 1, 2, 4, 7, 8, 10, 11, 15, 18, 20,
23, 29, 38, 40de

J

Johor – 12, 15, 19

K

Kuala – 4, 5, 8, 10, 12, 15, 20, 24, 25,
31

Kraftangan – 5, 11, 18, 20, 40

L

Langkawi – 12kraf

F

Firing – 13

N

Nervous - 20

P

Pintu - 21

S

Studio – 6, 15, 22, 30, 40, 41

U

UiTM – 1, 2, 7, 10, 16, 22, 40

M

Menteri – 11, 20, 30

O

Orang – 4, 5, 10, 11, 13, 14, 17, 18, 19,
22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29,31
32, 34, 35, 36, 40, 41

R

Relevan - 29

T

TV – 7, 13, 20, 21

11.0 RUJUKAN

- Ammar. (2021, May 1). *Hasil Tanah*. <https://kraftangan.gov.my/en/?view=article&id=54:seramik&catid=6>
- Css, S. (n.d.). *Seni Tembikar India*. <https://pdfcoffee.com/seni-tembikar-indiapptx-pdf-free.html#Susan+Css>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). *Kamus Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=seramik>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). *Kraf*. Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kraf>
- Kepentingan Seni dan Kebudayaan Kepada Masyarakat*. (2021, December). <https://www.studocu.com/my/document/sekolah-menengah-kebangsaan-datuk-haji-ahmad-said/karangan-bahasa-melayu/kepentingan-seni-dan-kebudayaan-kepada-masyarakat/20970678>
- Kraftangan Malaysia. (2012). *Adiguru Kraf Seramik V.N Ramadas A/L Vengdasalam*. <https://www.mycraftmuseum.com/portfolio/v-n-ramadas-a-l-vengdasalam/>
- Mohd Azlan Mat Sidek. (2020, July 5). *'Ramadas' Diiktiraf Adiguru Kraf Seramik Tradisional India*. MalaysiaGazette. <https://malaysiagazette.com/2020/07/05/lensa-mg-ramadas-diiktiraf-adiguru-kraf-seramik-tradisional-india/>
- Pengiktirafan Tokoh: Biodata V.N Ramadas a/l Vengdasalam. (2012, December 18). Tokoh Adiguru. <http://tokohadiguru.blogspot.com/2012/12/biodata-vn-ramadas-al-vengadasalam.html>
- Ramadas Pottery @ Kuala Selangor*. (2014, December 11). <http://www.imemily.com/2014/12/ramadas-pottery-kuala-selangor.html>
- Saadiah Ismail. (2021, October 21). *Perusahaan seramik buatan tangan mampu bertahan*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2021/10/878426/perusahaan-seramik-buatan-tangan-mampu-bertahan>

LAMPIRAN

12.0 LAMPIRAN

12.1 BIOGRAFI TOKOH

Nama penuh tokoh yang di temubual ialah Encik V.N Ramadas A/L Vengdasalam. Nama panggilan beliau ialah Encik Ramadas atau lebih selesa dipanggil ayah. Beliau dilahirkan di Selangor pada 25 Ogos 1951. Beliau telah menetap di Selangor sejak lahir lagi sehingga kini. Beliau telah berkahwin dan mempunyai tiga orang anak. Salah seorang daripada anak beliau telah mewarisi kemahiran yang dilakukan oleh Encik Ramadas. Beliau telah melanjutkan pelajaran sehingga sekolah menengah iaitu sehingga tingkatan lima. Beliau telah menceburi bidang kraf seramik selama lebih 40 tahun. Beliau kemudian diiktiraf sebagai Tokoh Adiguru Kraf Seramik pada tahun 2012 oleh Kraftangan Malaysia.

12.2 BIOGRAFI TEMUBUAL KEDUA (JIRAN)

Nama selaku jiran kepada Encik V.N Ramadas a/l Vengdasalam ialah Chellama. Beliau merupakan jiran kepada Encik Ramadas selama 30 tahun. Puan Chellama telahpun melihat pelbagai jenis pertandingan dan penganugerahan yang diperoleh kepada jirannya. Sepanjang pengenalan mereka, Puan Chellama juga menyaksikan jatuh dan bangun sebuah perniagaan yang dilakukan oleh Encik Ramadas iaitu Ramadas Pottery.

12.2 PERJANJIAN

www.uitm.edu.my



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Kolej
Pengajian Pengkomputeran,
Informatik dan Media

Surat Kami : 600-FPM (HEA 5/3)
Tarikh : 24 November 2022

Ramadas a/ Vengdasalam
Ramadas Pottery,
Batu Dua,
Jalan Kelang,
45000 Kuala Selangor,
Selangor.

Tuan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK MELAKSANAKAN PENYELIDIKAN AKADEMIK

Perkara di atas adalah dirujuk.

- Adalah dimaklumkan pelajar berikut dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Puncak Perdana, Shah Alam berbesar hati untuk menemubual tuan bagi melengkapkan kerja kursus penyelidikan akademik dalam bidang kraf seramik tradisional India.
- Tugasan ini adalah diwajibkan bagi memenuhi keperluan kursus "Oral Documentation" (IMR 604).
- Senarai nama pelajar yang terlibat:-

NAMA	NO. PELAJAR UiTM	NO. TEL.
Nur Alin Binti Nor Azman	2021849528	011-11944150
Nurul Fatimah Azzahrah Binti Badrul Alam	2021864488	019-5292505

- Untuk rujukan pihak tuan, bersama-sama ini dilampirkan beberapa objektif temubual berkaitan projek penyelidikan ini.
- Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,

MOHD NAZIR BIN AHMAD
PENSYARAH KANAN/PENYELIA
b.p: Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat

Kompleks Al-Khawarizmi
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
Tel: (+603) 5543 5329 Faks: (+603) 5543 5501





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya V.N Ramadas A/L Vengdasalam K/P: pada
..... 18 Disember 2022 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

.....
(Ramadas A/L Vengdasalam)
Tarikh: 18/12/2022

.....
(Mohd Nazir Ahmad)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

12.3 SENARAI SOALAN

Orientasi

1. Boleh tuan memberi tahu nama panggilan atau gelaran tuan?
2. Tuan hendak kami memanggil tuan apa untuk sesi temubual ni?
3. Adakah tuan juga menerima nama panggilan yang lain selain *** ?
4. Pada tarikh bilakah *nama panggilan tersebut* dilahirkan?
5. Boleh kami tahu dimana *nama panggilan tersebut* dibesarkan?
6. Ingat lagi tak sejak bila *nama panggilan tersebut* berpindah ke sini?
7. *nama panggilan tersebut* berpindah ke sini secara berseorangan atau dengan keluarga?
8. Izinkan *nama panggilan tersebut* menceritakan serba sedikit tentang sejarah awal pendidikan seperti pernah bersekolah dimana dan lain lain?
9. Adakah *nama panggilan tersebut* ada juga menyambung atau menerima pendidikan seterusnya selepas mengambil SPM?
10. Untuk soalan seterusnya, adakah *nama panggilan tersebut* sudah berkahwin?
11. Isteri *nama panggilan tersebut* suri rumah atau bekerja?
12. Berapakah orang anak yang *nama panggilan tersebut* ada?
13. Antara mereka, berapa orang lelaki dan berapa orang perempuan ya?
14. Ada tak anak - anak *nama panggilan tersebut* yang ikut buat seramik ini?
15. Bagaimana *nama panggilan tersebut* boleh perasan yang anak *nama panggilan tersebut* minat membuat seramik?
16. Selain itu, *nama panggilan tersebut* mempunyai anak yang masih belajar atau tidak?
17. Tentang ibubapa pula, adakah mereka *nama panggilan tersebut* masih hidup?
18. Boleh *nama panggilan tersebut* kongsi apakah pekerjaan ibubapa *nama panggilan tersebut* pada waktu dulu atau sekarang?
19. Sudah berapa tahun ibubapa *nama panggilan tersebut* membuat seramik?
20. Selain ibubapa, siapakah yang juga menyokong atau mendorong semangat *nama panggilan tersebut* untuk terus membuat seramik?

Umum

1. Sebelum membuat seramik, adakah *nama panggilan tersebut* pernah kerja bidang lain?
2. Agak-agak apa pengalaman manis dan pahit *nama panggilan tersebut* sebelum memulakan perniagaan ini seperti diberhentikan kerja ke?
3. Untuk soalan berkaitan minat, ada tak *nama panggilan tersebut* pernah menyertai mana-mana kelab atau kelas yang terlibat dengan bidang seramik ini?
4. Kalau macamtu boleh tak *nama panggilan tersebut* kongsi prinsip atau moto hidup yang tuan guna dari dahulu sehingga sekarang?
5. Pernah tak *nama panggilan tersebut* dapat bantahan dari keluarga?
6. Kawan-kawan pula ada tak yang tak sokong perniagaan tuan ni?
7. Masa tu *nama panggilan tersebut* umur berapa?
8. Sekiranya *nama panggilan tersebut* tak buka perniagaan ni, agak-agak apa yang tuan tengah buat sekarang?
9. Sebagai ahli perniagaan, apa perkara penting yang *nama panggilan tersebut* nak fokus? Fokus untuk kekali dikenali atau apa-apa?
10. *nama panggilan tersebut* deskrib diri sebagai orang yang macam mana? Contoh orang yang tegas atau lain-lain?
11. Berkaitan hal Ramadas Pottery, *nama panggilan tersebut* memilih untuk ada berapa jumlah pekerja?
12. Ada tak *nama panggilan tersebut* hadkan berapa orang yang boleh kerja dekat sini?
13. Sebab apa ya *nama panggilan tersebut* pilih jumlah tersebut?
14. Bagi pendapat *nama panggilan tersebut* apa etika terpenting semasa bekerja?
15. Kemudian bagaimana *nama panggilan tersebut* menghargai pekerja yang cemerlang dan menepati mutu kerja yang ditetapkan?
16. *nama panggilan tersebut* pernah buat hari keluarga bersama pekerja Ramadas Pottery?
17. Bila cakap pasal kerja, selalunya lah kan, apa masalah-masalah yang *nama panggilan tersebut* hadapi bila berurusan dengan pekerja, atau pelanggan tuan?
18. Tentang hal pelanggan, adakah *nama panggilan tersebut* buka untuk orang luar bagi membuat tempahan?
19. Selalunya siapakah yang membuat tempahan pada *nama panggilan tersebut*?

20. Bagi pendapat *nama panggilan tersebut*, seeloknya berapa lama perlu pelanggan membuat tempahan awal sebelum mereka boleh dapat produk tersebut?
21. Jika pengguna tidak berpuas hati dengan produk/perkhidmatan yang ditawarkan, bagaimana *nama panggilan tersebut* selesaikan?

Khusus/Spesifik

1. Kita akan beralih kepada perniagaan *nama panggilan tersebut* pula. Bagi Ramadas Pottery ini sendiri, sebenarnya dari mana *nama panggilan tersebut* dapat idea untuk menjalankan perniagaan ini ya?
2. Adakah *nama panggilan tersebut* masih ingat bila Ramadas Pottery ini dibuka secara rasminya? Tarikh tersebut.
3. Sebelum kita pergi dengan lebih lanjut, bilakah *nama panggilan tersebut* mula dikenali?
4. *nama panggilan tersebut* masih ingat lagi tak bila pertandingan pertama yang disertai?
5. Apa anugerah atau pencapaian yang *nama panggilan tersebut* paling rasa bangga?
6. *nama panggilan tersebut* mendapat 'title' adiguru kraf pada tahun?
7. Pengikhtirafan tokoh tersebut dilakukan di Selangor atau dimana?
8. *nama panggilan tersebut* pernah tak masuk rancangan televisyen?
9. Apa perasaan *nama panggilan tersebut* bila pertama kali dapat masuk tv?
10. Sejurus rancangan tersebut, *nama panggilan tersebut* ada dapat jemputan atau panggilan dari mana-mana agensi?
11. Selain anak *nama panggilan tersebut*, ada saudara yang ikut membantu perniagaan ni tak?
12. Okay. Mengapa *nama panggilan tersebut* memilih perniagaan seramik sedangkan ada banyak lagi jenis perniagaan?
13. Boleh tak *nama panggilan tersebut* kongsi macam mana tuan bahagikan masa bersama keluarga?
14. *nama panggilan tersebut* bercadang untuk membuka banyak cawangan tak?
15. Adakah *nama panggilan tersebut* mempunyai tokoh perniagaan yang diminati?

16. Kita masuk ke soalan kemahiran membuat seramik ya. Ada tak *nama panggilan tersebut* buat kelas untuk ajar orang luar buat seramik ni?
17. Sudah berapa tahun *nama panggilan tersebut* masih kekal hebat buat seramik?
18. Agak-agak berapa lama *nama panggilan tersebut* orang tu ambil masa untuk betul-betul mahir?
19. Okey, untuk menghasilkan seramik ini, apakah pengetahuan atau kemahiran utama yang diperlukan?
20. Seramik sebenarnya memang popular, tapi dia popular tak untuk semua lapisan masyarakat?
21. Siapakah golongan yang selalu berminat untuk membeli seramik ni?
22. Boleh *nama panggilan tersebut* beri sebab mengapa golongan tersebut meminati seramik ni?
23. Kenapa ya *nama panggilan tersebut* bercadang untuk pilih lokasi perniagaan di sini?
24. Sebenarnya *nama panggilan tersebut* menguruskan sendiri perniagaan ini atau mempunyai lebih daripada seorang pengurus?
25. Tuan rasa minat berniaga tu datang sendiri atau terikut-ikut kawan?
26. Okay. Mengenai jenis produk/perkhidmatan yang *nama panggilan tersebut* tawarkan kepada pelanggan, ada berapa jenis secara jumlahnya?
27. Boleh *nama panggilan tersebut* cerita apa keunikan produk/perkhidmatan yang disediakan oleh *nama panggilan tersebut* sendiri berbanding orang lain?
28. Bagaimana atau melalui apa *nama panggilan tersebut* mempromosikan produk/perkhidmatan yang ditawarkan kepada orang luar?
29. Adakah *nama panggilan tersebut* sendiri yang bertanggungjawab untuk promosikan produk ini atau orang lain?
30. Di antara platform tersebut, yang manakah *nama panggilan tersebut* nampak bahawa platform tu paling mendapat sambutan ramai?
31. Kemudian selepas buka perniagaan Ramadas Pottery ni, adakah *nama panggilan tersebut* pernah gagal dari segi pengurusan atau jualan? —
32. Apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada kegagalan tersebut?
33. *nama panggilan tersebut* mengambil berapa tahun untuk stabilkan perniagaan ini?
34. Apa cabaran memulakan perniagaan pada usia tersebut?
35. Untuk soalan seterusnya, berapakah modal yang diperlukan ketika membuka perniagaan pada tahun itu?
36. Dari mana ya modal itu diperoleh? Pinjaman dari bank, agensi atau keluarga?

37. Pernah tak *nama panggilan tersebut* menghadapi masalah kewangan dalam tempoh perniagaan?
38. Adakah *nama panggilan tersebut* bersetuju perniagaan ini membawa rezeki kepada *nama panggilan tersebut*?
39. Adakah *nama panggilan tersebut* fokus pada perniagaan ini sahaja?
40. Untuk kategori seterusnya, cabaran dan halangan *nama panggilan tersebut* dalam menjual seramik. Soalan pertama, apakah cabaran untuk mempromosikan seramik ni
41. Bagaimanakah *nama panggilan tersebut* mengatasi cabaran tersebut?
42. Okay semakin bertambah tahun, harga bahan mentah pun semakin tinggi. Adakah itu memberi impak untuk jualan seramik ni?
43. Harga peningkatan bahan tu mengikut permintaan tinggi atau tidak?
44. Bagi orang yang tidak tahu, berapa kos yang *nama panggilan tersebut* guna untuk buat satu bahan ni?
45. Sebenarnya berapa orang yang diperlukan untuk membuat satu produk tu?
46. Kemudian, satu orang pekerja boleh buat berapa produk?
47. Pada tahun 2020, bagaimanakah penjualan seramik ni semasa covid ni terjadi?
48. Apakah cabaran penjualan seramik ini masa mula-mula covid dulu?
49. Pada pendapat *nama panggilan tersebut* lah kan, adakah seramik ni masih relevan?
50. Bilakah biasanya seramik ni akan mendapat sambutan tinggi?
51. Di Ramadas Pottery, *nama panggilan tersebut* guna berapa kos pula untuk tujuan pemasaran seramik?
52. Buat masa sekarang, *nama panggilan tersebut* masih guna berapa ya harga yang ditetapkan?
53. Pernah tak *nama panggilan tersebut* rasa putus asa untuk teruskan perniagaan?
54. Apa harapan *nama panggilan tersebut* untuk meluaskan lagi perniagaan seramik ni?
55. Untuk kategori terakhir, ada cadangan tak untuk mempertingkatkan kesedaran tentang pembuatan seramik kepada masyarakat.
56. Di Ramadas Pottery sendiri, apa strategi *nama panggilan tersebut* yang paling efektif untuk mempertingkatkan jualan seramik ni?
57. Selain itu, apakah kesan jika generasi muda pada masa kini mengabaikan dan melupakan seramik ini?
58. Bolehkah *nama panggilan tersebut* berkongsi sedikit tentang mengapakah kita perlu mengekalkan dan mengetahui seramik?

59. Okay untuk soalan terakhir, apa nasihat *nama panggilan tersebut* kepada golongan pelajar universiti untuk menceburi bidang ini?

12.4 DIARI PENYELIDIKAN

TARIKH	MASA	AKTIVITI	TINDAKAN
17 Oktober 2022	2:00 pm – 4:00 pm	Sesi pembahagian pasangan kumpulan	Mencari pasangan projek
31 Oktober 2022	8:00 pm – 9:30 pm	Sesi pencarian tokoh biografi	Membincang dan menyenaraikan tokoh pilihan bersama pasangan projek
14 November 2022	11:28 am	Sesi pengesahan tokoh biografi	Memutuskan tokoh biografi akhir di antara empat senarai ialah Encik Ramadas a/l Vengdasalam (Tokoh Adiguru Kraf Seramik Tradisional India)
16 November 2022	6:00 pm – 10 pm	Sesi membuat soalan temubual	Membahagikan soalan temubual kepada tiga jenis; orientasi, umum, dan spesifik.

24 November 2022	9:11 am – 9:59 am	Sesi pengesahan surat kajian dari pensyarah	Menghubungi pensyarah melalui aplikasi <i>Whatsapp</i>
26 November 2022	3:00 pm – 10 pm	Sambungan sesi membuat soalan temubual	Melengkapkan 100 soalan temubual
28 November 2022	2:00 pm – 4:00 pm	Sesi semakan soalan struktur untuk di temubual	Menyediakan 100 soalan temubual
13 Disember 2022	4:06 pm – 8:48 pm	Sesi temuduga awal	Menghubungi tokoh biografi tersebut untuk memaklumkan tentang temubual yang akan dilakukan
15 Disember 2022	3:54 pm	Sesi temuduga awal yang kedua	Menunjukkan tema soalan yang akan dituju kepada tokoh secara ringkas, bukan dalam soalan yang lengkap

18 Disember 2022	10:00 am – 1 pm	Sesi temubual	Melakukan temubual di dalam studio tokoh tersebut di Jalan Telaga Tujuh, Kuala Selangor
22 Disember 2022	3:00 pm – 9:00 pm	Sesi menyiapkan transkrip temubual	Membahagikan minit rakaman bersama pasangan kumpulan bagi memudahkan proses transkrip
16 Januari 2022	3:25 pm – 3:28 pm	Sesi pengesahan <i>supervisor</i> bagi setiap pasangan kumpulan	Menghubungi pensyarah untuk mendapatkan maklumat tentang <i>supervisor</i>
19 Januari 2022	3:00 pm – 9:00 pm	Sambungan sesi menyiapkan transkrip temubual dan proposal	Menyiapkan transkrip temubual dan proposal
23 Januari 2022	1:40 am	Sesi penyerahan <i>proposal</i>	Menghantar <i>proposal</i> mengenai projek ini di ufutire

27 Januari 2022	4:00 pm – 6:00 pm	Sesi memeriksa transkrip penuh	Membuat pemeriksaan ke atas kerja pasangan projek jika ada pembetulan
30 Januari 2022	3:00 pm – 9:00 pm	Sesi menyiapkan <i>article</i>	Membahagikan isi kandungan di dalam <i>article</i> bersama pasangan projek
1 Februari 2022	11:59 pm	Sesi menghantar transkrip penuh	Menghantar transkrip penuh di dalam link <i>Google Drive</i> dalam format <i>softcopy</i>
3 Februari 2022	4:00 pm – 9:00 pm	Sambungan sesi menyiapkan <i>article</i>	Menyiapkan <i>article</i>
5 Februari 2022	11:59 pm	Sesi penyerahan <i>article</i>	Menghantar <i>article</i> penuh di dalam link <i>Google Drive</i> dalam format <i>softcopy</i>

12.5 GAMBAR, SIJIL DAN BAHAN LAIN YANG BERKAITAN













